

27 FEB 1997

Chavalit-Tiba

CHAVALIT TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Thai Jeneral Chavalit Yongchaiyudh tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari ke Malaysia atas jemputan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketibaan Chavalit, yang diiringi isterinya, Phankrua, dan 42 anggota rombongan, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Pesawat yang membawa Perdana Menteri Thai itu dan rombongannya mendarat pada pukul 9.45 pagi.

Lawatan Chavalit ke negara ini adalah dalam konteks lawatan bertemu pemimpin-pemimpin negara Asean dan bertujuan meningkatkan hubungan baik yang sedia terjalin antara Thailand dan Malaysia.

Yang turut hadir di lapangan terbang itu ialah isteri Abdullah, Datin Endon Mahmood, Duta Thai ke Malaysia Suchitra Hiranprueck dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob yang merupakan Menteri Pengiring.

Chavalit, 64, mengadakan lawatan rasmi pertamanya ke Kuala Lumpur sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Banharn Silpa-Archa, dua bulan lepas.

Hari ini, beliau dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah sebelum mengunjungi Dr Mahathir di pejabatnya dan menghadiri mesyuarat delegasi.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah akan meraikan Perdana Menteri Thai itu dan isterinya dalam satu jamuan malam di Sri Perdana, malam ini.

Esok, Chavalit dijadualkan memberi ceramah pada majlis anjuran Kumpulan New Straits Times sebelum pulang ke Bangkok pada sebelah petang.

Sebelum ini, Chavalit berkhidmat sebagai pegawai tentera dan dinaikkan pangkat sehingga menjadi Ketua Turus Tentera Thailand.

Kerjasama beliau dengan rakan-rakannya di Malaysia telah membantu mengatasi pemberontakan Parti Komunis Thailand dan Parti Komunis Malaya pada penghujung tahun 1980an. -- BERNAMA

MAM NAK